

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI
ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 13 JULAI 2020

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perincian kepada Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang akan dimeterai pada akhir tahun nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rundingan Perjanjian Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) ketika ini masih berlangsung dan negara-negara peserta telah mengulangi tekad dan bersepakat memuktamadkan rundingan RCEP, seterusnya menandatangani Perjanjian tersebut pada November 2020.
2. Sebanyak 28 pusingan rundingan dan tiga (3) Sidang Kemuncak RCEP telah diadakan sejak rundingan bermula pada bulan Mei 2013 sehingga September 2019. Pada tahun ini, sebanyak empat (4) mesyuarat maya atau *virtual meetings*, dengan izin, telah diadakan iaitu tiga (3) mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Rundingan Perdagangan atau *Trade Negotiating Committee* (TNC) dengan izin, dan Mesyuarat Intersesi RCEP Peringkat Menteri ke-10 pada 23 Jun 2020 .

3. Perjanjian RCEP akan merangkumi 20 bab yang melibatkan antara lain:

- i. Perdagangan Barangan atau dengan izin, *Trade in Goods*;
- ii. Prosedur Kastam dan Fasilitasi Perdagangan;
- iii. Langkah-langkah *Sanitary* dan *Phytosanitary*;
- iv. *Standards*, dengan izin *Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures*;
- v. Remedi Perdagangan;
- vi. Perdagangan Perkhidmatan atau dengan izin, *Trade in Services* yang merangkumi Perkhidmatan Kewangan, Komunikasi dan Profesional;
- vii. Pelaburan;
- viii. Hak Harta Intelekt;
- ix. Perdagangan Elektronik atau dengan izin *Electronic Commerce*;
- x. Dasar Persaingan;
- xi. Perusahaan Kecil dan Sederhana;
- xii. Kerjasama Ekonomi dan Teknikal; dan
- xiii. Perolehan Kerajaan yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan.

4. Memandangkan rundingan masih dijalankan untuk memuktamadkan beberapa perkara, maka butiran terperinci hanya boleh dibentangkan selepas teks Perjanjian dimuktamadkan. Faedah-faedah lain berikutan penyertaan Malaysia dalam RCEP adalah:

- (i) dapat mengukuhkan integrasi syarikat-syarikat tempatan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam bekalan global dan rantaian nilai (*global supply and value chain*) yang merupakan satu kemestian untuk lebih berdaya saing (*competitive*) di peringkat antarabangsa seterusnya menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);
- (ii) meningkatkan pelaburan langsung asing dan tempatan dalam Negara;

- (iii) menyoegerakan pemulihan ekonomi pasca COVID-19;
- (iv) peraturan-peraturan dan prosedur yang berbeza di bawah setiap perjanjian perdagangan bebas ASEAN + 1 dapat diselaraskan dengan lebih teratur. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap perjanjian perdagangan bebas ASEAN + 1. Ini melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;
- (v) peluang untuk memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah dari 14 buah negara dan membolehkan produk keluaran siap Malaysia yang dieksport ke negara RPC menikmati pengurangan duti import di negara berkenaan;
- (vi) pengiktirafan negara lain terhadap piawaian tempatan seperti *Malaysian Standards* yang dapat mengelakkan produk keluaran tempatan daripada perlu mendapatkan piawaian di negara destinasi eksport; dan
- (vii) fasilitasi perdagangan melalui kerjasama kastam berhubung dengan prosedur dan sistem pelepasan barangan.

5. Dalam merundingi Perjanjian RCEP, Kerajaan sentiasa mengimbangi kepentingan perdagangan antarabangsa dan kelangsungan industri tempatan.

Sekian, terima kasih.